



Terjemah hikayat kuno

■ PESAWAD alih bahasa jawi lama kepada bahasa Melayu buktikan Hang Tuah wujud

Oleh Nur Saliawati Salberi

nursaliawati@mediaprima.com.my

Melaka

Bagi merungkai kewujudan Laksamana Hang Tuah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka bukan mitos atau dongeng, Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Duyong (PESAWAD) berusaha menterjemah catatan Hikayat Hang Tuah yang ditulis dalam tulisan jawi kuno kepada bahasa Melayu.

Pengerusinya Khalid Husin berkata, inisiatif itu diambil bagi membolehkan generasi masa kini faham mengenai perjalanan hidup Hang Tuah.

Katanya, buku catatan yang mempunyai lebih 300 muka surat itu diwarisi daripada bapa saudaranya dan ia hasil penulisan sepupu Hang Tuah iaitu Tun Kola.

“Penterjemahannya me-

makan masa kerana selain penggunaan tulisan jawi kuno, keadaan catatan yang berusia lebih 400 tahun ini juga menyebabkan ia sedikit sukar dibaca.

“Apabila siap diterjemahkan, diharap segala perte lingkahan dan penafian mengenai kewujudan Hang Tuah dapat disangkal,” katanya ketika ditemui di Perkampungan Hang Tuah, Kampung Duyong di sini, semalam.

Khalid yang juga waris ke-12 keturunan Hang Tuah berkata, laksamana itu memang wujud dan daripada salinan catatan Hikayat Laksamana Hang Tuah oleh Md Yaacob Abdolah, ia menceritakan kewujudan Hang Tuah yang ketika itu difitnah dan dijatuhi hukuman oleh Sultan Melaka.

Katanya, kewujudan Hang Tuah juga dapat dibuktikan dengan penemuan talam tembaga berlubang lima diperdayai

akibat ditusuk leming ketika Hang Jebat dan Hang Tuah bersilat di istana Sultan Melaka.

“Selain hikayat itu, talam ini juga disimpan untuk dijadikan bukti dan menguatkan lagi kewujudan Hang Tuah. PESAWAD giat mengesan dan mengumpul waris keturunan Hang Tuah juga Kesultanan Melayu Melaka untuk sama-sama memperjuangkan kebenaran mengenai kewujudan pahlawan Melaka ini,” katanya.

Menurut Khalid, PESAWAD menyokong dan menyambut baik usaha dua pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang dan pihaknya sedia membantu jika diperlukan untuk melengkapkan penyelidikan yang dijalankan.

DA VINCI JUMPA TUAH

• Banyaknya agak pelik. Namun pertemuan Laksamana Hang Tuah dengan pelukis Leonardo da Vinci itu adalah fakta yang tercatat di dalam buku *Notes of Leonardo da Vinci*. Ind sebab gus membuatkan pahlawan legenda Melayu berkembar memang benar-benar wujud.

Laporan Harian Metro 5 Disember lalu.

KERIS, GELANG HANG TUAH

Dua bilah keris berukuran besar dan sempit, dua gelang tangan, sebuah biliket Hang Tuah dalam bahasa jawi kuno, 79 dokumen rasmii Empayar Ryukyu “Rekodai Hoan” dan catatan pelukis terkenal Leonardo da Vinci adalah antara bukti realiti kenyataan Hang Tuah.

LAPORAN Harian Metro 7 Disember lalu.